

# Konsep Ruang Melalui Fauna Dalam Cerita Lipur Lara: Analisis Semantik Inkuisitif

Mohd Zaki Abdul Latiff  
Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang,  
Bandar Jengka, Pahang, Malaysia  
mohdzaki@pahang.uitm.edu.my

Suriati Zakaria  
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
suriatizaiini@yahoo.co.uk

**Abstrak:** Konsep ruang selalu mendapat tempat dari pelbagai perspektif seperti pembinaan, budaya dan sosial. Konsep ini merupakan perkara asas dalam kehidupan manusia. Tidak ketinggalan dalam tradisi lisan dan tulisan yang melihat isu tentang ruang dan habitat dalam budaya tradisional. Melalui tradisi lisan contohnya cerita lipur lara, konsep ruang merupakan sesuatu yang menarik untuk diteliti lantaran konsep ini tidak dinyatakan secara terus tetapi disampaikan secara implisit. Implisitnya tergambar apabila penutur menggunakan leksikal fauna dalam sesuatu ungkapan, tetapi pada waktu yang sama dapat menjelaskan konsep ruang kepada pendengar. Selain itu, ruang dalam masyarakat Melayu bukan hanya tertumpu kepada ruang fizikal semata-mata, malah melangkaui ruang sosial dan ruang-masa. Kadang kala, konsep ruang ini sering berkongsi fungsi antara dua domain yang berbeza pada waktu yang sama. Contohnya, konsep ruang fizikal yang turut menjelaskan ruang-masa. Artikel ini akan meneliti dan menganalisis hanya satu unsur iaitu unsur fauna dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal* yang menyingkap konsep ruang dalam cerita lipur lara Melayu. Kupasan dan makna tersirat unsur fauna ini akan dihurai menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Analisis menggunakan pendekatan inkuisitif bukan hanya menyingkap kebijaksanaan Melayu tetapi juga menunjukkan falsafah yang terdapat di sebalik penggunaan sesuatu leksikal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemilihan leksikal fauna yang wujud dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal* bukan dilakukan secara semborono. Penggunaan dan pemilihan leksikal fauna menunjukkan kepekaan orang Melayu terhadap alam sekeliling mereka. Dapatan kajian ini juga membuktikan ketinggian akal dan kebijaksanaan orang Melayu memilih dan menggunakan sesuatu leksikal yang bersifat dwimakna untuk mengkonsepsikan sesuatu sifat dan kejadian. Kajian yang terhasil diharapkan dapat menambah lagi kosa ilmu berkaitan cerita lipur lara Melayu khasnya dari perspektif linguistik.

**Kata kunci dan frasa:** konsep ruang, fauna, pendekatan semantik inkuisitif, cerita lipur lara

## I. PENGENALAN

Masyarakat Melayu menjadikan alam sebagai sumber rujukan utama lantaran kegiatan mereka berkisar dengan aktiviti bertani, berburu dan berlayar. "Alam sentiasa dekat dengan kehidupan seharian. Keindahan kehidupan Melayu

akan hilang jika tidak dikaitkan dengan imej alam" (Mohd Rosli Saludin 2007: 59). Hal ini bertepatan dengan pepatah petiti 'yang setitis jadikan laut, yang sekepal jadikan gunung, alam terbentang jadikan guru'. Dalam bahagian pengenalan buku Kurik Kundi, Merah Saga, Muhammad Haji Salleh telah menegaskan bahawa "dasarnya ialah alam menjadi cermin atau gurunya" (Kurik Kendi, Merah Saga 2009: xxxi). Kehidupan mereka juga dikelilingi oleh unsur flora dan fauna (Nik Safiah Karim 2000). Selain itu, sifat flora dan fauna itu sendiri sangat indah dan mempunyai ciri-ciri *survival* (Fatimah Busu 2003).

Sehubungan itu, kajian ini akan menyingkap sumber penderiaan orang Melayu iaitu fauna yang dicerap untuk membentuk metafora dalam dunia Melayu. Penyingkapan makna metafora tersirat yang melibatkan fauna ini merupakan satu wadah untuk orang Melayu mengungkapkan buah fikiran dan perasaan (Nik Safiah Karim 2000). Dalam kajian ini makna yang terjelma melalui fauna akan dilihat dalam cerita lipur lara iaitu *Cerita Anggun Cik Tunggal*. *Cerita Anggun Cik Tunggal* ini merupakan antara karya yang bersifat prosa dan banyak merakamkan unsur alam di dalamnya. "Karya yang mendekati alam, mentransformasikannya melalui berbagai-bagai kaedah adalah karya-karya yang hidup, yang ada *movement* dan mempunyai nilai seni yang tinggi dan *evergreen* sebagaimana kehidupan flora dan fauna itu sendiri" (Fatimah Busu 2003: 77). Seterusnya, makna tambahan yang tersirat dalam penggunaan unsur-unsur fauna ini akan dianalisis menggunakan konsep *ad hoc* yang melakarkan hubungan antara kognisi dan komunikasi. Tuntasnya, kajian ini akan menghubungkan fauna dengan pemikiran yang terdapat dalam masyarakat Melayu yang dilihat berdasarkan konsep *ad hoc* melalui kajian teks cerita lipur lara (*Cerita Anggun Cik Tunggal*).

## II. PERMASALAHAN KAJIAN

Kewujudan fauna dalam cerita lipur lara Melayu menjadi pelengkap kepada sesebuah karya sastera yang baik dan bukan berlaku secara kebetulan. Masyarakat Melayu menggunakan pengalaman dan pengamatan yang tinggi melalui

pancainderanya seperti deria dengar, bau, sentuh dan rasa untuk mencerap segala yang berlaku di sekelilingnya lalu diluahkan dalam hasil karya sastera (Fatimah Busu 2003; Mohd Yusof Md. Nor 1985).

Selain itu, masyarakat Melayu dahulu juga turut menggunakan fauna sebagai metafora dalam tradisi lisannya (Mohd Taib Osman 2003). Kebijaksanaan orang Melayu terserlah apabila mesej yang disampaikan secara tersirat tetap sampai, walaupun terselindung di sebalik gambaran sifat dan kelakuan fauna tersebut (Nik Safiah Karim 2000).

Justeru, dapatlah dirumuskan bahawa kewujudan dan kehadiran fauna menunjukkan rentetan penggunaannya sebagai unsur penting dalam sesuatu karya sastera tanpa mengira batas masa dan membawa makna atau melambangkan sesuatu. Sehubungan itu, kajian ini akan mencungkil dan menganalisis fauna dalam cerita lipur lara sebagai suatu cara untuk menelusuri persepsi dan pemikiran orang Melayu dari perspektif linguistik. Unsur fauna ini dapat dibahaskan dalam tiga aspek iaitu cerita rakyat, metafora, dan budaya.

#### A. *Cerita Rakyat*

Pengkaji *cerita rakyat* menonjolkan watak utama yang merujuk kepada fauna tertentu. Perbezaan pemilihan sesuatu fauna bergantung kepada budaya dan persepsi sesuatu masyarakat terhadap fauna tersebut. Watak ini seolah-olah hidup sebagai manusia yang boleh berinteraksi, berfikir dan bertindak. Harun Jaafar (2004) memperincikan watak haiwan ini kepada masyarakat tertentu dalam sesuatu bangsa. Dalam kajian yang bersifat naratif ini, kita melihat Sang Kancil dalam masyarakat Melayu (Hassan Ahmad 2007) sangat pintar dan dapat mengalahkan binatang-binatang yang lebih besar. Harimau (Bordahl 2007), serigala, lembu tua dan pohon aprikot tua (Ma & Lau 1978) pula dikaitkan dengan masyarakat Cina. Harimau dalam masyarakat dan kepercayaan Cina mempunyai daulat dan turut berkait dengan alam supernatural. Cerita serigala, lembu tua dan pohon aprikot tua memperkatakan tentang seorang manusia yang berhadapan dengan serigala yang ingin menjadikannya makanan.

Kisah yang berkaitan dengan buaya, tikus, cicak, angsa liar, kura-kura, lamberi, monyet, arnab, ketam dan kumbang didokumentasi berdasarkan cerita yang terdapat dalam masyarakat India (Yeop Ghazali 1975). Kehadiran fauna sebagai watak dalam cerita rakyat wilayah Nigata, bersifat dominan dan dianggap penting (Mayer 1981). Sementara, kupasan dan sindiran kebobrokan masyarakat barat khususnya yang berlaku di Russia dijadikan intipati cerita '*Animal Farm*' melalui watak fauna khinzir, anjing dan kuda (Orwell 1946). Sehingga kini, cerita rakyat dalam masyarakat orang asli di Malaysia lebih bersifat asal usul dan sebab musabab kejadian yang melibatkan fauna (Lim Boo Liat 2010). Istimewanya karya Lim ini kerana turut menempatkan sedikit maklumat saintifik terhadap haiwan mamalia yang didokumentasikan

ceritanya. Secara jelasnya, cerita-cerita rakyat yang menempatkan fauna ini merupakan perlambangan watak-watak manusia dalam sesebuah masyarakat. Justeru, cerita rakyat ini bertujuan untuk memberi pengajaran, sindiran dan turut bertindak sebagai hiburan dalam sesuatu kelompok masyarakat (Aripin Said 1996; Danandjaja 1984; Mana Sikana 2007; Mohd. Taib Osman 1974).

#### B. *Metafora*

Aspek kedua yang tidak kurang menariknya berkaitan fauna ialah metafora. Majoriti kajian yang menyentuh metafora haiwan bersifat teoretis kerana menggunakan teori dan kerangka tertentu untuk menganalisis data kecuali kajian Junaidi (2008) yang menggunakan kaedah analisis dokumen terhadap lagu Ocu dalam masyarakat Melayu Riau (Indonesia). Kajian Junaidi merupakan kritikan sosial terhadap pemimpin dan polis dalam masyarakat tersebut. Junaidi menjadikan tikus bertali leher sebagai metafora pemimpin Indonesia yang mengamalkan rasuah, kucing pula dimetaforakan sebagai polis Indonesia yang turut menerima rasuah daripada pemimpin Indonesia dan kambing adalah metafora rakyat yang menjadi korban lantaran amalan rasuah tersebut.

Penggunaan data yang pelbagai seperti korpus (Wei Lixia & Wong Bee Eng 2012; Arbak Othman & Merry Lapsau 2010; Hsieh 2006; Fontecha & Catalan 2003) dan soal selidik (Telebinejad & Dasterdi 2005) membuktikan bahawa setiap masyarakat menunjukkan perbezaan mentaliti dan pemikiran tentang ekspresi haiwan. Hal ini bertepatan dengan kaedah perbandingan metafora haiwan melalui dua bahasa berlainan yang dipilih untuk dianalisis. Hasil kajian-kajian ini juga mendapati bahawa manusia boleh memahami apabila dimetaforakan sebagai haiwan (manusia adalah haiwan dalam *Great Chain of Being*). Namun begitu, sekiranya terdapat banyak persamaan dalam kedua-dua bahasa dan budaya, maka metafora haiwan yang dibentuk dalam kedua-dua bahasa banyak berkongsi makna yang sama (Arbak Othman & Merry Lapsau 2010). Keadaan ini mungkin disebabkan oleh konsep pemikiran yang hampir sama. Kehadiran fauna dalam peribahasa yang terangkum dalam konsep pemikiran kaedah metafora (Hassan Ahmad 2011), memperlihatkan unsur positif dan negatif. Dalam perincian peribahasa ini, Imran Ho Abdullah (2011) yang menggunakan data korpus mendapati anjing dalam masyarakat Melayu membawa makna negatif. Sementara dalam masyarakat barat, anjing membawa makna positif iaitu makhluk yang setia. Berbanding kaedah temubual yang digunakan untuk mendapatkan data peribahasa orang asli Semai, hasil kajian memperlihatkan hubungan yang sangat erat antara manusia dan haiwan (Saidatul Nornis & Rasdi Samaah 2013). Perhubungan yang erat ini amat dimaklumi lantaran suasana masyarakat orang asli Semai yang majoritinya masih bergantung hidup dengan hutan. Kajian kedua ini turut memperlihatkan unsur positif dan negatif

tentang haiwan dalam perlambangan tertentu seperti sifat, warna, ukuran, bentuk dan pancaindera.

### C. Budaya

Aspek terakhir yang dibahasakan oleh pengkaji ialah budaya. Kajian tentang penamaan haiwan yang merujuk manusia dalam masyarakat Serbia, Resetar dan Radic (2003) mendapati penamaan tersebut lebih banyak memberi impak negatif jika dibandingkan dengan impak positif seperti kasih sayang. Kajian ini lebih terarah kepada budaya.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh sarjana terdahulu, terdapat keperluan untuk mengangkat fauna sebagai teras perbincangan. Kajian ini yang bersifat kajian lanjutan kepada kajian metafora haiwan, akan memberi nafas baru dimensi analisis iaitu menggunakan konsep *ad hoc*. Unsur fauna ini perlu diteliti kerana masyarakat Melayu menjadikan sumber penderiaan untuk mencerap alam sekeliling lalu membentuk metafora dalam dunia Melayu. Selanjutnya, kajian metafora haiwan sebelum ini hanya tertumpu pada data korpus, peribahasa, dan lagu. Lantas, kajian yang akan dilakukan akan menggunakan data daripada cerita lipur lara kerana data ini lebih asli dan tulen sifatnya (Munir Ali 1990). Dengan ini, dapatan kajian akan dapat mencungkil kearifan masyarakat Melayu untuk menghubungkan fauna dengan alam pemikiran mereka.

### D. Ulasan Kritis

Kajian-kajian yang telah dilakukan di atas menunjukkan bahawa kehadiran unsur fauna bukanlah bersifat enteng dan berlaku secara wewenang. Setiap kajian yang dilakukan oleh sarjana terdahulu telah menyumbangkan input dan kosa ilmu berkaitan fauna dalam perspektif tertentu. Kajian cerita rakyat berjaya mendokumentasikan cerita-cerita yang berkaitan dengan fauna dalam sesebuah masyarakat. Sarjana-sarjana ini mengangkat haiwan tertentu yang sinonim dalam sesebuah masyarakat untuk dirakamkan ceritanya dalam bentuk tulisan (walaupun pada asalnya cerita-cerita itu lazimnya disampaikan secara lisan). Kajian ini dapat mengetengahkan kepintaran, sifat, dan kelakuan sesuatu haiwan. Selain itu, *'weltanschauung'* / 'world view' atau sudut pandang, pemikiran dan kepercayaan sesuatu masyarakat diketengahkan secara tidak langsung dalam cerita yang disampaikan. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tempatan dalam bidang ini tidak mengupas dan mengaitkan dengan mendalam pemikiran masyarakat Melayu yang terjalin melalui unsur fauna dalam penceritaan tersebut. Seterusnya, kewujudan *'weltanschauung'*, pemikiran dan kepercayaan sesebuah masyarakat juga tidak dikupas dengan mendalam hingga ke akar umbinya.

Kajian metafora telah memberi pendedahan senarai beberapa jenis fauna yang menjadi rujukan dalam entiti masyarakat tertentu. Pendedahan ini menggunakan peribahasa

dan lagu yang terdapat dalam sesebuah masyarakat yang dikaji. Ruang untuk kajian bersifat teoretis membuktikan bahawa fauna boleh dikaji dari segi strukturnya menggunakan teori yang saintifik (semantik kognitif). Kajian dalam bidang ini juga menjadikan sumber data yang diguna, diambil daripada dua bahasa yang berbeza. Kajian lanjutan perlu dilakukan kerana "...secara semula jadi wujud hubungan yang rapat antara kehidupan masyarakat tersebut dengan habitatnya yang kaya dengan pelbagai jenis fauna" (Siti Zubaidah, Norsuhana & Fatan Hamamah 2012 : 53).

Melalui penulisan kajian budaya, kita mendapat pengetahuan tentang kritikan sosial, nilai negatif, peranan dan kepentingan fauna. Kelemahan yang ada menunjukkan pendedahan yang bersifat dangkal oleh linguist di atas hanya menampakkan perkaitan yang sedikit (tidak mendalam) dengan pemikiran dan budaya masyarakat yang diwakili oleh data yang diambil. Dalam erti kata yang lain, pendedahannya hanya bersifat permukaan yang tidak menyelongkar sehingga ke akar umbi pemikiran masyarakat yang dikaji.

Kekurangan yang wujud berdasarkan kosa ilmu yang ada memperlihatkan tiga aspek yang masih boleh ditambah dan diperluaskan. Pertama, menelusuri aspek entiti atau objek yang akan dijadikan teras kajian. Justeru, kajian ini akan meneliti unsur fauna bukan secara harfiah seperti pengkaji-pengkaji terdahulu tetapi mendalam hingga ke aras kognitif tinggi penuturnya.

Kedua, kekurangan dari aspek penggunaan data. Kajian-kajian lepas hanya menggunakan data yang diambil dari sumber korpus seperti peribahasa dan ungkapan, sumber cerita rakyat mahupun lagu. Data yang melibatkan prosa khususnya teks klasik seperti cerita lipur lara masih tidak dikaji dari perspektif linguistik walaupun bahasa merupakan medium utama penyampaian dalam cerita lipur lara tersebut. Maka kajian yang akan dilakukan akan menggunakan data berbentuk prosa dalam tradisi lisan iaitu *Cerita Anggun Cik Tunggal*. Penggunaan prosa teks klasik ini memungkinan sesuatu konteks dapat dilihat bersama data yang dianalisis kerana "ungkapan tidaklah dapat secara semena-mena ditafsirkan menurut makna harfiah, tetapi haruslah lebih menukik dengan menilikinya dari berbagai-bagai sudut yang melatarbelakangi atau yang berkaitan dengan ungkapan itu" (Tenas Effendy 2005: xiv).

Ketiga, kekurangan dari aspek teori. Berdasarkan penelitian kajian-kajian lepas, masih tidak terdapat kajian yang menggunakan analisis konsep *ad hoc* untuk menyingkap falsafah dan pemikiran yang tersirat dalam cerita lipur lara Melayu. Kajian perbandingan sebelum ini ada dilakukan dan memperlihatkan signifikannya fauna dalam budaya sesuatu bangsa. Maka kajian yang akan dilakukan ini akan mengupas dan menganalisis dengan lebih mendalam unsur fauna dan analisisnya nanti secara tidak langsung dapat mencungkil ketinggian aras kognitif penutur Melayu. Pemilihan objek

fauna dalam cerita lipur lara mampu memberi gambaran mengenai tingkah laku, personaliti dan pemikiran sesuatu bangsa. Seterusnya, penerapan konsep *ad hoc* ini dapat menawarkan alternatif baru yang akan menambah kosa ilmu dalam bidang pengkajian teks klasik.

Secara umumnya, sesuatu hasil kesusasteraan Akan "...kekal dalam bentuk mitos, legenda, perlambangan, pesanan, teladan, wasiat dan sebagainya hingga setiap satunya menyembunyikan sesuatu makna dan tanda yang perlu diinterpretasi" (Siti Hawa Haji Salleh 2009: 69). Justeru, kajian dari perspektif linguistik yang akan dilakukan ini diharapkan mampu memberikan wajaran sesuatu unsur fauna dipilih dalam cerita lipur lara dan seterusnya dapat mencungkil, menyingkap dan menginterpretasi cara masyarakat Melayu dahulu mencerap alam menggunakan penderitaan dan kognitif penutur untuk membentuk metafora dalam dunia Melayu.

#### *E. Kajian Fauna Dimensi Pragmatik*

Ungku Abdul Aziz (2011: 49) berpendapat bahawa "...orang Melayu sudah pandai memberi nama kepada kebanyakan pokok dan binatang yang sudah ada di negeri Melayu." Namun begitu, sejauh manakah unsur fauna ini telah dikaji dan diselidiki dalam bidang bahasa? Sekiranya hal ini tidak diketengahkan sebagai kajian, kita bimbang bakat dan kebolehan orang Melayu zaman dahulu yang cerdik menamakan sesuatu unsur, fauna dan organisma tertentu akan luput di telan zaman (Ungku Abdul Aziz 2011). Hal inilah yang cuba dicungkil dalam kajian ini untuk membuktikan bahawa pemilihan sesuatu fauna yang terdapat dalam cerita lipur lara bukanlah berlaku secara sembarangan. Mohd Rosli Saludin (2007: 3) telah menegaskan bahawa "...dengan kata lain kata-kata yang hendak digunakan perlu dipilih dan dipilih dengan cermat serta hati-hati. Tegasnya bagi orang Melayu setiap kata mempunyai nilai yang khas dan tertentu." Masyarakat Melayu menggunakan sesuatu perkataan sebagai perlambangan kepada satu maksud yang ingin disampaikan secara tersirat (Noriah Taslim 2010; dan Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan 2011).

Seterusnya, kajian ini juga akan melihat hubungan fauna dan pemikiran Melayu yang akan dianalisis daripada sudut pragmatik menggunakan konsep *ad hoc* daripada data cerita lipur lara. Kajian ini perlu dilakukan kerana pada dasarnya pengkajian yang dilakukan sarjana-sarjana Barat terhadap karya kesusasteraan tradisional Melayu hanyalah sekadar merakamkannya dalam bentuk tulisan. Hassan Ahmad (2009: 92) berpendapat "sarjana Barat itu, pada umumnya, nampaknya tidak tertarik untuk mengkaji bahan itu sebagai hasil pemikiran, falsafah, tamadun, dan akal budi, dan kebijaksanaan minda dan kreativiti seni dan budaya bangsa Melayu." Justeru, dalam usaha menyahut cabaran ini, kajian yang akan dilakukan mengambil kira unsur fauna dalam

*Cerita Anggun Cik Tunggal* sebagai data yang memungkinkan perlambangan makna tertentu.

### III. OBJEKTIF KAJIAN

Analisis terhadap flora dan fauna yang terdapat dalam cerita lipur lara adalah bertujuan untuk meneliti adakah terdapat pertalian antara fauna ini dengan pemikiran masyarakat Melayu. Bagi mencapai matlamat tersebut, beberapa objektif telah digarap. Antaranya ialah :

- *Mengenal pasti kewujudan unsur fauna dan pola yang digunakan dalam Cerita Anggun Cik Tunggal.*
- *Menganalisis makna tersirat fauna dalam Cerita Anggun Cik Tunggal berbantuan konsep ad hoc.*
- *Menghuraikan fungsi fauna tertentu dalam Cerita Anggun Cik Tunggal dengan falsafah dan pemikiran masyarakat Melayu dari aspek linguistik.*

### IV. BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya membataskan unsur fauna dalam cerita lipur lara sahaja. Unsur fauna dipilih kerana peribadi kaum Melayu itu sendiri yang lazimnya menggunakan unsur alam dalam kehidupan seharian mereka. Manifestasi alam ini diungkapkan secara tersirat sewaktu bertutur. Mohd.Taib Osman banyak meneliti isu cerita lipur lara dalam masyarakat Melayu. Beliau berpendapat :

"Ungkapan berangkap ini sebagai ungkapan yang teratur sengaja diolah dengan penuh keindahan penuturan bahasa lisan, berirama dan bersajak. Bukan itu sahaja, bahkan ianya diolah dengan pemilihan bahasa kiasan yang indah dan sesuai dengan tanggapan pendengar. Satu sifat golongan yang melahirkan cerita-cerita rakyat ialah dekatnya hidup mereka dengan alam semesta di sekeliling mereka; jadi, kiasan mereka adalah kiasan yang diambil daripada unsur-unsur alam."(Mohd.Taib Osman 1974: 30)

Sebanyak 31 data yang menggunakan perkataan yang tergolong dalam fauna dipilih sebagai data kajian ini dan dikutip dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal*. Setiap data akan dianalisis berlandaskan konsep *ad hoc* yang digagaskan oleh Robyn Carston (2002b). Namun, bagi tujuan paparan analisis, cuma satu data yang akan dianalisis.

Bagi tujuan batasan kajian ini, pengkaji berpendapat sebuah teks yang digolongkan sebagai karya agung mencukupi sebagai sumber data analisis kerana telah menunjukkan

kepelbagaian dan kerencaman penggunaannya, mencukupi dan berpada. McEney dan Wilson (2001: 29) membahaskan bahawa kita harus membataskan sampel dalam kajian yang kita lakukan :

“We could analyze every single utterance in that variety- however, this option is impracticable except in a few cases, for examples with a dead language which only has a few texts. Usually, however analysing every utterance would be an unending and impossible task.”

Ruang lingkup sesuatu kajian akan mengawal arah tuju sesuatu kajian yang dijalankan. Ruang lingkup kajian ini adalah berfokus kepada penelitian tentang unsur fauna dalam cerita lipur lara Melayu. Penjelasan akan dilakukan secara sistematis khususnya dengan penerapan konsep *ad hoc* lantaran konsep ini telah diguna pakai dalam kajian-kajian lain dan berjaya menjelaskan makna yang kabur dan implisit (sekadar beberapa contoh : Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin 2011; Nor Hashimah Jalaluddin & Ahmad Harith Syah 2009; Carston & Wilson 2007; Carston 2010, 2002a, 2002b; Rebolllar (t.th.)).

Leksikal yang bersangkutan dengan fauna dipilih lantaran kitaran hayat tumbuhan secara biologiikal mengingatkan manusia kepada rutin kewujudannya yang hidup, kemudian mati, untuk menghidupkan maujud yang berterusan (Amida Abdulhamid 2008). Kitaran hayat yang berada dalam pola mandala menterjemahkan satu pola kewujudan yang sempurna dan harmoni. Selain itu, pemilihannya juga disebabkan wujudnya hubungan manusia dan fauna yang “...telah termaktub sekian lama dan hubungan ini harus dipelihara untuk kebaikan dan kesejahteraan masing-masing” (Wan Zahari Mohamed, Mohd Hamim Rahim& Abdul Rahman Abdullah 2012: 16). Seterusnya, secara semula jadi wujud hubungan yang rapat antara kehidupan masyarakat tersebut dengan habitatnya yang kaya dengan pelbagai fauna (Siti Zubaidah Ismail, Norsuhana Abdul Hamid & Fatan Hamamah Yahaya 2012 : 53). Secara jelasnya, hubungan yang erat dan rapat antara manusia dengan fauna menjadikannya sebagai satu aspek yang menarik untuk dikaji.

## V. KEPENTINGAN KAJIAN

Kesignifikan kajian ini dilakukan lantaran beberapa sebab, iaitu:

### A. *Pembuktian orang Melayu mempunyai minda yang bijak, tajam dan kreatif*

Alam persekitaran merupakan wadah terbaik untuk meluahkan perasaan, kehendak dan boleh juga dijadikan perbandingan dengan sifat atau perlakuan manusia (Saidatul Nornis & Mohd. Rasdi Samaah 2013). Bertepatan dengan itu,

pemilihan penggunaan unsur alam iaitu fauna turut melambangkan sesuatu dalam cerita lipur lara sebagai data kajian. Dalam hal ini, minda dan watak Melayu jelas terangkum kukuh dalam kisah, gerak, dan aksi yang dipaparkan sama ada secara bersahaja mahupun berselindung di sebalik simbol-simbol tertentu (Harun Jaafar 2004). Tanpa sedar, keindahan bahasa Melayu yang dicerminkan melalui penggunaan simbol-simbol tertentu ini memperlihatkan kehalusan budi pekerti penutur. Secara tidak langsung kajian ini diharap dapat membuktikan orang Melayu mempunyai minda yang bijak, tajam dan kreatif kerana proses berfikir dan merenung untuk membentuk simbol-simbol atau perlambangan tersebut melibatkan akal, imaginasi, rasa hati untuk mencipta makna atau mesej tertentu. Muhammad Haji Salleh (2000) turut memperkatakan tentang sifat orang Melayu yang menjadi perenung alam yang sabar dan pintar. Buktinya, dalam karya sastra yang berbentuk prosa dan puisi, orang Melayu menukulkan pelbagai jenis pohon, bunga, binatang dan bentuk-bentuk alam yang lain. Untuk menghindari isu peminggiran, penggunaan dan penelitian unsur alam fauna ini harus diperluas dan dipelihara agar dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang.

### B. *Memperkembang dan menambah baik kajian tradisi lisan dari perspektif linguistik.*

Kajian yang menjadikan data sastra lisan ini berhasrat memberikan nafas baru dalam pengkajian kesusasteraan dengan melihat bahasa yang digunakan dalam sesuatu cerita. Sastra lisan mengandungi nilai-nilai murni dan nilai intelektual yang tinggi dan perlu dijaga sebagai salah satu ciri peradaban bangsa Melayu. Secara jelasnya, Ding (2008: 16) berpendapat “*Even by the 19th century, oral communication continued to be the predominant way of transmitting knowledge, acquiring information, maintaining literary life, and sustaining intellectual life in the Malay world*”. Secara tidak langsung, kajian ini juga diharap akan menimbulkan minat kepada generasi kini untuk mengkaji dan mengambil ilmu daripada tradisi lisan. Hal ini bertitik tolak daripada keadaan masyarakat Melayu kini yang tidak lagi mementingkan tradisi lisan. Kenyataan ini diperkukuhkan dengan pendapat Ding Choo Ming (2008: 5) “*Nowadays Malay peoples no longer readily appreciate the skillfulness or accept the relevance of their oral heritage*”.

### C. *Menimbulkan kesedaran untuk menjaga dan memperlihatkan keakraban hubungan antara manusia fauna.*

Kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji ini juga diharap dapat memberi kesedaran tentang kepentingan menjaga kelangsungan hubungan antara manusia dengan fauna.

Orang Melayu juga sangat akrab dengan fauna sehingga rupa, watak, dan perilaku fauna (Bazrul Bahaman 2006) dapat dikiaskan, dibandingkan dan dimetaforakan kepada manusia.

## VI. METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini akan menjelaskan ruang lingkup dan metodologi kajian yang akan diguna pakai dalam kajian ini. Hal ini merangkumi pemilihan dokumen sebagai data yang digunakan, pewajaran pemilihan data, tatacara pemerolehan data dan tatacara penganalisan data (Babbie 2004; Berg 2004; Dey 2004). Selain itu, pendekatan dan teori terpilih yang digunakan dalam kajian ini akan turut dinyatakan.

### A. *Kajian Kualitatif dan Pustaka*

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang bersifat kualitatif dengan menggunakan analisis dokumen iaitu data cerita lipur lara yang telah dibukukan. Flick, U (2007: ix) telah menegaskan bahawa kajian kualitatif dilakukan “... *to understand, describe and sometimes explain social phenomena 'from the inside' in a number of different ways;...by analyzing document (texts, images, film or music) or similar traces of experiences or interactions*”.

Kajian pustaka melibatkan semua maklumat atau data yang sedia ada yang telah didokumentasikan. Tinjauan awal akan dilakukan untuk mendapat maklumat tentang kajian-kajian lepas yang telah dilakukan dalam bidang semantik, pragmatik, kajian sastera cerita lipur lara Melayu serta kajian mengenai metafora haiwan dan metafora tumbuh-tumbuhan. Maklumat yang bakal ditemui sangat berguna untuk merangka bentuk kajian yang akan dilakukan.

### B. *Sumber Data Kajian*

Kajian yang akan dilakukan ini menggunakan data autentik, bukan rekaan atau buatan yang diambil daripada teks cerita lipur lara. Cerita lipur lara yang dipilih sebagai data telah didokumentasikan oleh Yayasan Karyawan Malaysia. Justifikasi pemilihan cerita lipur lara sebagai data kajian bertitik tolak daripada kajian yang dijalankan sebelum ini yang kebanyakannya menganalisis cerita lipur lara dari aspek sastera dan budaya sahaja (Aminudin Abdul Karim 2011; A.Wahab Ali 1981; Mustafa Mohd. Isa 1984; Mohd. Taib Osman 2003,1981,1974; Noriah Taslim 2004,2006; Rogayah A. Hamid & Wardati Md. Sheriff 2007). Justeru, kajian yang meneliti dari aspek bahasa sangat kecil bilangannya. Lantas kajian ini akan memberikan satu perspektif baru tentang cerita lipur lara secara amnya dan pada bahasa Melayu khususnya.

Beberapa pewajaran diberikan dalam pemilihan cerita lipur lara sebagai data kajian :

#### 1) Justifikasi Pemilihan Cerita Lipur Lara:

1. Cerita lipur lara mempunyai kritikan dan sindiran yang diolah tanpa sedar. Hal ini dinyatakan oleh Ismail Yusoff (2008: 8)

Walau bagaimanapun, hubungan antara anggota masyarakat adalah sangat rapat. Mereka mengamalkan sistem ekonomi secukup hidup dan selalu bergotong royong dalam menjalankan kerja-kerja harian mereka. Tegasnya, konsep hidup mereka adalah mementingkan kepentingan bersama. Nilai ini jelas kelihatan dalam hasil-hasil sastera rakyat, di mana walaupun karya sastera dihasilkan oleh individu-individu tertentu yang pintar sahaja tetapi mereka menganggapnya sebagai milik bersama. Rata-rata ahli masyarakat pada masa itu sama ada golongan rakyat, pembesar atau pemerintah adalah buta huruf. Pengetahuan hanya diperolehi melalui lisan. Jadi sebarang kritik atau sindiran terhadap golongan-golongan tertentu, terutamanya pemerintah disampaikan melalui cerita-cerita rakyat ini.

2. Cerita lipur lara merupakan salah satu bentuk hiburan masyarakat Melayu silam yang sarat dengan pelbagai mesej dan pengajaran. Noriah Taslim (1993: 145) telah menjelaskan:

...peranan penglipur lara atau tukang cerita ialah pada dasarnya memberikan hiburan, ketenangan, keseimbangan pada hati yang duka lara dan kerehatan pada saraf-saraf kejang dan lesu, kerana itu dipersembahkan atau dilakonkan cerita lisan ini pada waktu malam, waktu senggang atau waktu rehat.

3. Cerita lisan ini mencerminkan peradaban Melayu lama (Mohd Taib Osman 2003: xx)

Khazanah cerita lisan Melayu seperti yang sempat dicungkil oleh sarjana-sarjana kolonial pada abad ke-19 dan awal ke-20 mencerminkan peradaban Melayu yang sedang menghadapi perubahan akibat pengaruh dunia moden yang dibawa oleh pemerintahan kolonial.

Teks cerita lipur lara yang dipilih ini mengandungi lima buah cerita lipur lara Melayu. Lima buah cerita tersebut ialah *Cerita Seri Rama*, *Cerita Malim Dewa*, *Cerita Malim Deman*, *Cerita Anggun Cik Tunggal* dan *Cerita Raja Muda*. Pemilihan *Cerita Anggun Cik Tunggal* sebagai data dan mengetepikan keempat-empat teks lain adalah berdasarkan beberapa pertimbangan:

2) Justifikasi Pemilihan Teks

1. Kekerapan tertinggi leksikal fauna terdapat dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal*. Hal ini dibuktikan berdasarkan perbandingan lima teks cerita lipur lara seperti jadual di bawah.

Jadual 1: Kekerapan leksikal fauna dalam teks lipur lara

PERKARA  TEKS	Kekerapan	
	Bil.	Peratus
CERITA ANGGUN CIK TUNGGAL	31	26.1%
CERITA RAJA MUDA	20	16.8%
CERITA MALIM DEMAN	22	18.5%
CERITA SERI RAMA	23	19.3%
CERITA MALIM DEWA	23	19.3%
JUMLAH	119	100%

2. *Cerita Anggun Cik Tunggal* ini merupakan satu bentuk sindiran yang halus untuk menggambarkan kerakusan dan kekejaman penjajah yang tiba ke Tanah Melayu. Secara tidak langsung, cerita lisan ini menjadi satu khazanah berharga untuk ditatapi generasi akan datang. Hal ini dikukuhkan lagi oleh pendapat Hamka (2009: 105):

Demikianlah, apabila bangsa kita telah merasa lemah, tidak dapat melawan lagi, mereka perbuat ceritera. Di dalam ceritera itu diisikanlah sindiran dan rasa benci kepada musuh, dihinakan dan ditunjukkan kejahatannya, sehingga anak cucu mengerti, dan pada suatu masa kelak “malu yang tercoreng di kening” itu akan dapat dihapuskan juga dengan kedatangan “Nan Tonggol!”.

C. *Tatacara Pengumpulan Data*

Kaedah kualitatif diguna pakai dengan mengambil data sekunder iaitu cerita lipur lara yang telah ditulis semula oleh Mohd Taib Osman (2003). Pengumpulan data melibatkan

beberapa tahap iaitu tahap pertama ialah pencerakinan teks. Pada tahap pencerakinan teks ini berlakunya proses pembacaan yang pertama. Pembacaan kali pertama adalah untuk memahami cerita yang terkandung dalam teks tersebut. Justeru, pembacaan dilakukan dengan teliti dan mendalam.

Tahap kedua pengumpulan data ialah pengelompokan. Bagi memenuhi maksud tersebut, pembacaan kali kedua dilakukan. Pembacaan kali kedua ini memerlukan pengkaji membaca teks *Cerita Anggun Cik Tunggal* sekali lagi dan menggariskan semua leksikal yang berkaitan fauna dalam teks tersebut. Pengelompokan dibahagikan kepada beberapa dua domain iaitu ruang fizikal dan ruang sosio-budaya. Daripada dua domain tersebut, ruang fizikal dipecahkan lagi kepada lima sub domain iaitu pelayaran, pertarungan, penampilan diri, ukuran dan makna-makna lain. Memandangkan sub domain pelayaran mencatatkan kekerapan tertinggi bilangan data, maka satu data daripada sub domain ini dipilih untuk ditunjukkan analisisnya.

Jadual 2 : Sub domain ruang dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal*

Ruang	Sub Domain	Kekerapan	
		Bil.	Peratus
Fizikal	Pelayaran	6	19.4%
	Pertarungan	3	9.7%
	Penampilan diri	4	12.9%
	Ukuran	4	12.9%
	Makna-makna lain :		
	i. Kebijaksanaan	4	12.9%
	ii. Alat	2	6.5%
	iii. Tanda alam	1	3.2%
iv. Adat	1	3.2%	
	Emosi	1	3.2%
Ruang sosio-budaya		5	16.1%
<b>JUMLAH</b>		<b>31</b>	<b>100%</b>

Tahap terakhir pengumpulan data ialah pengekodan data.

Tahap ini juga melibatkan pembacaan. Pada pembacaan kali ketiga ini melibatkan proses mengeluarkan data daripada teks tradisional dan seterusnya ditaip dalam bentuk jadual mengikut pengelompokan sub domain yang telah dibuat serta disimpan di dalam fail *Microsoft Word*.

#### D. Penganalisan Data

Setelah pengenpastian, pengelompokan dan pengekodan data selesai dilakukan, seterusnya data akan dianalisis dan dihuraikan dengan menggunakan konsep *ad hoc* (Robyn Carston 2002b). Analisis pragmatik dibuat dengan mencari korelevan dapatan yang diperoleh dengan melihat konteks pemakaiannya dalam teks tersebut. Bertitik tolak daripada analisis pragmatik tersebut, teori Relevans memberi penekanan kepada tiga perkara utama iaitu konteks, kesan konteks dan kos proses. Leksikal fauna yang terpilih akan dianalisis dengan melihat bentuk-bentuk logiknya untuk membina eksplikatur, implikatur dan seterusnya membuat kesimpulan yang sesuai. Seterusnya untuk menganalisis leksikal yang bukan harfiah sifatnya, proses yang mungkin berlaku untuk menginterpretasi leksikal yang kabur akan melibatkan salah satu proses iaitu proses penyempitan atau proses peluasan (Carston 2002b). Pada asasnya, "...it is accessed in a particular context by a spontaneous process of pragmatic inference, as distinct from a concept which is accessed by the process of lexical decoding and so is context-invariant..." (Carston 2002b: 322-323). Sesungguhnya, hasil analisis yang diperoleh diharap dapat menyumbang kepada pengkonseptualan awal untuk ruang lingkup kajian.

### VII. CONTOH ANALISIS DATA DAN APLIKASI TEORI

Berikut merupakan maklumat yang diambil daripada *Cerita Anggun Cik Tunggal*:

Setelah berkata-kata itu, maka Raja Tunggal Junjungan pun segeralah bangun, lalu berjalan ke buritan kapal itu, jauhnya:

***Selejang kuda berlari, Selelah burung terbang.***

[Perenggan 2: Muka surat 331]

Berdasarkan data di atas, kedua-dua jenis fauna di atas (kuda dan burung) timbul dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal* lantaran wujud dalam kosmos kehidupan orang Melayu. Kuda

yang tergolong sebagai haiwan mamalia merupakan hidupan liar tetapi boleh juga menjadi binatang peliharaan dan lazimnya digunakan untuk pengangkutan. Burung yang lazimnya diungkapkan oleh orang Melayu merujuk kepada burung yang boleh terbang.

Penginterpretasi makna tidak berhenti setakat itu sahaja kerana apabila mengambil kira keseluruhan pemerenggan, makna fauna yang terlibat menjadi berubah lantaran wujudnya konteks lain yang ingin disampaikan oleh penglipur lara kepada pendengar. Penerapan konsep *ad hoc* peluasan pula akan berlaku yang bertindak untuk merungkai bentuk ujaran yang bukan lagi bersifat literal. Dalam situasi memerikan konsep ruang ini, walaupun penglipur lara menggunakan leksikal-leksikal yang biasa dan mudah iaitu *selelah burung terbang* dan *selejang kuda berlari*, namun ia boleh menimbulkan persoalan-persoalan lain kepada pendengar. Mengapa leksikal *kuda* dan *burung* yang dipilih, walhal masih banyak fauna lain yang melatari kehidupan masyarakat Melayu? Sejauh manakah jarak yang ingin disampaikan melalui leksikal 'selejang' dan 'selelah'? Lantaran itu, ia perlu diperhalusi dan diteliti lebih mendalam supaya mesej sebenar yang hendak disampaikan itu bertepatan dengan konteks ruang yang ingin disampaikan oleh penglipur lara. Penelitian ini dapat dilakukan dengan pengaplikasian konsep *ad hoc* peluasan untuk mendapatkan interpretasi sebenar.

Jadual 3: Interpretasi Data 1

	Eksplikatur Setelah berkata-kata itu, maka RajaTunggal Junjungan pun segeralah bangun,lalu berjalan ke buritan kapal itu, jauhnya:
	<b><i>Selejang kuda berlari, Selelah burung terbang .</i></b>
	Bentuk logik Selejang kuda berlari = sejauh jarak kuda yang melompat, kuda ialah binatang besar berkaki empat yang dipelihara untuk kenaikan (pengangkutan dan lain-lain)
	Selelah burung terbang = sejauh seekor burung boleh terbang, burung ialah binatang berbulu, berkaki dua, bersayap (biasanya dapat terbang), unggas.
	Andaian Setelah berpesan kepada pembantunya
	Bujang Selamat, Raja Tunggal
	Implikatur Junjungan bangun untuk pergi meneruskan hajatnya sehingga ke pangkal kapal itu yang jaraknya sangat jauh dan panjang.



Kesimpulan Makna  
jarak dan luas kapal itu sebenarnya  
menggambarkan kehebatan angkatan Raja  
Berdurai Putih dan kemewahan serta  
keagungan raja tersebut

manusia amnya dan masyarakat Melayu khususnya seperti  
punca makanan, memusnahkan haiwan perosak, menolong  
membersihkan kawasan kotor dan menjadi rakan manusia  
apabila dipelihara (Zainal Abidin Abu Hasan 1985).

Ketelitian melalui pemerhatian dan pengalaman yang  
dilakukan oleh orang Melayu jelas dapat digambarkan dalam  
ungkapan *selelah burung terbang* dan *selejang kuda berlari*.  
Jarak *selelah burung terbang* merujuk kepada '*a distance as  
far as a bird can fly*', sementara ungkapan *selejang kuda  
berlari* merujuk kepada '*a distance of a horse's jump*' (Mohd  
Salmi Md Noorani et al. 2010).

Pendengar akan melalui proses biasa yang standard dalam  
usaha memahami maksud yang ingin disampaikan oleh  
penutur. Pendengar akan mendekod konsep yang dikod oleh  
sesuatu leksikal. Seterusnya, pendengar akan cuba mencari  
dan mendapatkan bentuk-bentuk logik dan catatan  
ensiklopedik yang tertentu digunakan. Kemudian, pendengar  
akan membina beberapa andaian dalam mindanya.

Selejang kuda berlari dan selelah burung terbang

- i. kuda dan burung merupakan fauna yang biasa dilihat  
dalam kehidupan seharian.
- ii. pergerakan kuda yang berlari dan burung yang  
terbang.
- iii. menunjukkan jarak kuda melompat dan jarak satu  
penerbangan burung.

Dalam proses menginterpretasi maksud sebenar yang ingin  
disampaikan oleh penutur, kognitif pendengar akan  
menukilkan senarai inferens i hingga iii seperti di atas.  
Dengan menggunakan catatan ensiklopedik yang telah sedia  
ada, dibantu dengan kesan konteks, inferen i tidak akan dipilih  
oleh pendengar kerana hanya melibatkan makna literal  
semata-mata. Inferens ii juga tidak mungkin dipilih oleh  
pendengar kerana hanya melibatkan pergerakan kuda dan  
burung. Justeru, pilihan iii akan dipilih oleh pendengar kerana  
makna implisit yang ingin disampaikan oleh penutur  
menunjukkan konsep ruang yang luas dan panjang Kapal  
Petolo Kapal Petolai bertepatan dengan konsep jarak yang  
terbina dalam kognitif pendengar sewaktu kuda melompat dan  
burung terbang. Walau bagaimanapun, konsep ruang yang  
ingin disampaikan oleh penutur agak luwes lantaran  
pendengar akan berkira-kira tentang jarak kuda yang  
melompat dan burung yang terbang. Hal ini berlaku lantaran  
jarak kuda yang melompat dan burung yang terbang amat  
bergantung kepada saiz dan jenis kuda atau burung yang  
terlibat.

Saiz fizikal burung yang besar dan jenis burung seperti  
helang atau enggang pasti akan memberikan jarak yang lebih  
jauh berbanding burung pipit, serindit atau layang-layang.  
Begitu juga halnya dengan kuda. Jarak lompatan kuda yang  
berusia 2 tahun tentunya berbeza dengan kuda yang dewasa

Jadual di atas menunjukkan penginterpretasian makna  
yang berlaku untuk mencapai makna implisit yang ingin  
disampaikan oleh penglipur lara sewaktu menyampaikan  
ceritanya. Dalam bentuk eksplikatur, makna tersurat leksikal  
*kuda* dan *burung* telah dapat diketahui oleh pendengar dengan  
mudah lantaran kedua-dua jenis fauna ini merupakan objek  
yang konkrit dan wujud yang wujud dalam kosmologi  
Melayu. Namun begitu, interpretasi pragmatik yang  
melibatkan konsep *ad hoc* peluasan diperlukan bagi mencapai  
makna implisit daripada leksikal yang ada dalam data 1 di  
atas. Dalam proses interpretasi pragmatik ini, pendengar akan  
membina andaian implikatur dalam minda dan kognitifnya  
dengan bekalan sejumlah kesan konteks untuk merelevankan  
ujaran. Ujaran hanya akan menjadi relevan setelah kos  
memproses menjadi rendah dan pendengar dengan mudah  
membina kesimpulan implikatur.

Makna keseluruhan leksikal dalam data 1 di atas perlu  
diteliti satu persatu oleh pendengar. Melalui maklumat  
tersedia dalam ensiklopedik yang telah dinyatakan pada  
bahagian awal ungkapan dalam cerita ini, pendengar telah  
mengetahui bahawa Raja Tunggal Junjungan bersama  
pembantunya Bujang Selamat ingin menuntut bela terhadap  
Raja Berdurai Putih yang telah menawan nenek moyangnya  
sejak sekian lama. Maklumat ensiklopedik lain yang telah  
sedia ada pada pendengar ialah keadaan fizikal Raja Berdurai  
Putih yang luar biasa daripada manusia dan kapal  
kenaikannya juga mempunyai ciri luar biasa itu. Melalui  
maklumat konteks yang tersimpan di dalam catatan  
ensiklopedik pembaca/pendengar tersebut, makna implisit  
yang ingin disampaikan iaitu kekuatan dan kehebatan Raja  
Berdurai Putih dapat dijana oleh pendengar.

Berdasarkan catatan ensiklopedik pendengar, *kuda* dan  
*burung* sering kali dikaitkan dengan pergerakan yang pantas.  
"Hubungan antara manusia dan kuda sudah lama sekali dan  
coraknya sangat khusus" (*Ensiklopedia Indonesia Seri Fauna  
: Mamalia 2* 1988: 394) dan kuda digunakan oleh manusia  
"...sebagai haiwan tunggangan dan haiwan pengangkut  
kerana ia bertenaga dan mampu menahan keadaan yang  
ekstrem" (Zakaria Abdullah 1990:41). Sementara leksikal  
burung dipilih oleh penglipur lara untuk menjelaskan lagi  
konsep ruang kerana "di Malaysia burung boleh dijumpai di  
mana-mana sahaja- di hutan, di pergunungan, di semak, di  
padang, di tepi laut, di sawah padi malah di kawasan  
perumahan manusia" (Zainal Abidin Abu Hasan 1985: 97).  
Selain itu, burung banyak perannya dalam kehidupan

yang berusia 10 tahun. Selain itu, kuda Ponni yang kecil dan cantik pasti menunjukkan jarak lompatan yang lebih dekat berbanding kuda liar (*Ensiklopedia Indonesia Seri Fauna : Mamalia 1 dan 2* 1988). Walaupun pada dasarnya, mungkin pendengar agak kekok dengan anggaran ini tetapi sifat dan sikap masyarakat Melayu dahulu yang lebih menekankan konsep berbasa basi (Suriati Zakaria 2002) dan berlebih kurang, maka ungkapan itu masih diterima. Hal ini juga berlaku "...kerana kehidupan yang rukun dan aman damai di desa tidak memerlukan manusia yang amat berkira sangat tentang hal-hal ketepatan. Semangat bekerjasama dan perkongsian di dalam segala hal serta kewujudan perasaan "berlebih-kurang" yang diamalkan menyebabkan konsep "ketepatan" tidak dititikberatkan" (Ithnin Abdul Jalil 2001: 454). Walaupun konsep ruang yang ingin disampaikan oleh penutur bersifat luwes, tetapi disebabkan tradisi dan budaya masyarakat Melayu yang selalu "berlebih-kurang", ditambah pula dengan kesan konteks dan maklumat ensiklopedik, maka pendengar dapat memilih andaian yang paling tepat untuk membuat kesimpulan yang paling relevan bagi anggaran jarak sejauh kuda melompat dan burung terbang.

### VIII. KESIMPULAN

Kajian berkaitan fauna yang menjadikan cerita lipur lara Melayu sebagai data dan melibatkan teori tertentu masih tidak ada dalam pustaka linguistik Melayu. Kajian yang dilakukan ini memberikan perspektif baru dalam kajian prosa tradisional Melayu kerana menawarkan penelitian dari perspektif linguistik khususnya dalam bidang pragmatik. Kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini yang berkaitan cerita lipur lara Melayu banyak dilihat dalam medium sastera. Justeru, kajian yang akan dilakukan ini diharap dapat menyumbangkan ilmu baru yang lebih bersifat saintifik dalam medium bahasa. Kajian ini juga dapat mengkaji falsafah yang tersirat dalam kehidupan masyarakat Melayu lama dan menjelaskan makna yang tersirat di sebalik pemilihan sesuatu fauna. Akhirnya melalui penilaian secara objektif data yang diperoleh, pertimbangan yang sistematik dan rasional untuk memahami mengapakah hanya fauna tertentu yang digunakan, maka pembaca/pendengar dapat menginterpretasi ruang yang ingin disampaikan oleh seseorang penglipur lara.

### RUJUKAN

- A.Wahab Ali. 1981. Peranan dan Kedudukan Sastera Lisan dalam Pengembangan Sastera Malaysia. Dlm. Jamilah Ahmad (pngr.). *Kumpulan Esei Sastera Melayu Lama*, hlm. 59-78. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adirukmi Noor Salleh. 1993. Tumbuh-tumbuhan dalam Budaya Melayu. Dlm. Ismail Hussein, A.Aziz Deraman & Abd. Rahman Al-Ahmadi (pngr.). *Tamadun Melayu Edisi ke-2 Jilid 5*, hlm. 2582-2619. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amida Abdulhamid. 2008. *Rangkaian Falsafah dalam Analisis Sastera*. Tanjung Malim:

- Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Aminudin Abdul Karim. 2011. *Kajian Terhadap Hikayat Seri Rama dari Perspektif Strategi dan Sebagai Naskhah Tertua di Nusantara yang Dikarang oleh Orang Lembah Bama*, Kuala Lipis, Pahang. Kuantan: RK Letra Printing Press Sdn. Bhd.
- Arbak Othman dan Merry Lapsau. 2010. Metafora Haiwan. *Jurnal Bahasa* 1: 162-194.
- Aripin Said. 1996. *Prosa Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Babbie, E. 2004. *The Practice of Social Research*. 10th Edition. California: Thomson.
- Bazrul Bahaman. 2006. Alamat Binatang Naik Rumah dan Masuk Kebun. Dlm. Rogayah A. Hamid dan Mariam Salim. *Kepustakaan Ilmu Tradisional*, hlm. 75-94. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berg, B.L. 2004. *Qualitative Research Methods for Social Sciences*. 5th Edition. Boston: Pearson.
- Bordahl, V. 2007. The Man-hunting tiger: From "Wu Song Fights the Tiger" in Chinese Traditions. *Asian Folklore Studies* LXVI (1-2): 142-163.
- Carston, R & Wilson, D. 2007. A Unitary Approach to Lexical Pragmatics: Relevance, Inference and Ad Hoc Concepts. Dlm. Noel Burton-Roberts (pnyt.). *Pragmatics*, hlm. 230-259. London: Palgrave.
- Carston, R. 2002a. *Metaphor, ad hoc concepts and word meaning- more questions than answers*. <http://www.phon.ucl.ac.uk/home/robvyn/pdf/uclwpl142002.pdf> [15 September 2012].
- Carston, R. 2002b. *Thoughts and utterances: The Pragmatics of Explicit Communication*. Oxford: Blackwell Publishing
- Carston, R. 2010. Metaphor: ad hoc concept, literal meaning and mental image. *Proceedings of the Aristotelian Society*, hlm. 297-323.
- Danandjaja, James. 1984. *Foklor Indonesia: Ilmu Gosip, Dongeng, dan Lain-lain*. Jakarta: Grafitipers.
- Dey, I. 2004. Grounded Theory. Dlm. Seale, C et.all. (pnyt.). *Qualitative Research Practice*. London: Sage Publications.
- Ensiklopedia Indonesia Seri Fauna : Mamalia 1*. 1988. Jakarta: P.T. Dai Nippon Printing Indonesia.
- Ensiklopedia Indonesia Seri Fauna : Mamalia 2*. 1988. Jakarta: P.T. Dai Nippon Printing Indonesia.
- Fatimah Busu. 2003. *Memupuk Bakat dan Minat Penulisan Kreatif : Teori dan Proses*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd: Bentong.
- Flick, Uwe. 2007. *Designing Qualitative Research*. SAGE Publications: London.
- Fontecha, A. F & Catalan, R. M. J. 2003. Semantic derogation in animal metaphor: a contrastive-cognitive analysis of two male/female examples in English and Spanish. *Journal of Pragmatics* 35: 771-797.
- Hamka. 2009. *Dari Perbendaharaan Lama*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Harun Jaafar. 2004. *Ikhtisar Kebudayaan dan Prosa Melayu Klasik*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hasan Ahmad. 2009. *Ke Luar Jendela*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad (pnyt.). 2007. *Cerita Jenaka Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan membentuk Epistemologinya*. Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hassan Ahmad. 2011. Karya Agung Melayu Sulalat Al-Salatin dan Hikayat Hang Tuah: Keunggulan Akal Budi Bangsa Melayu Sepanjang

- Zaman. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Karya Agung Melayu Sulalat Al-Salatin dan Hikayat Hang Tuah, 2011*, hlm. 1-15.
- Herpanus. (2011). Fungsi tumbuhan Cekur dan Setawar dalam kehidupan tradisional Suku Dayak Desa. *International Journal of the Malay world and Civilisation (SARI)* 29(1): 259-268.
- Hsieh, S.C. 2006. A corpus-based study on animal expression in Mandarin Chinese and German. *Journal of Pragmatics* 38: 2206-2222.
- Imran Ho-Abdullah. 2011. Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing (Canis Familiaris). *Jurnal GEMA Online* 11(1): 125-141.
- Ismail Yusoff. 2008. *Kesusasteraan Melayu Lama dan Baru*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ithnin Abdul Jalil. 2001. Pemikiran saintifik Orang Melayu Melalui Peribahasa. Dlm. Yaacob Harun (pnyt.). *Kosmologi Melayu*, hlm. 454-469. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Junaidi. 2008. Metafora sebagai kritikan sosial dalam lagu Ocu (Dialek Melayu Kampar-Riau-Indonesia). *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-4, 2008*, hlm. 209 – 215.
- Kurik Kundi Merah Saga*. Edisi kedua. 2009. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Lim Boo Liat. 2010. *Orang Asli Animal Tales*. Singapura: Eastern Universities Press (M) sdn. Bhd.
- Ma, Y.W & Lau, S.M. 1978. *Traditional Chinese Stories*. New York: Columbia University Press.
- Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin. 2011. Fiksyen dan Mitos dalam Hikayat Hang Tuah: Pendekatan Teori Relevans. Dlm. *Prosiding CD-Rom Persidangan Linguistik Asean V*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 21-22 Disember 2011.
- Mana Sikana. 2007. *Teras Sastera Melayu Tradisional*. Bangi: Penerbit Karya.
- Mayer, F. H. 1981. Fauna and Flora in Japanese Folktales. *Asian Folklore Studies* 40(1): 23-32.
- McEnery, T & Wilson, A. 2001. *Corpus Linguistics: an Introduction*. 2nd Edition. Edinburgh: Edinburgh University.
- Mohd Rosli Saludin. 2007. *Puisi Melayu Tradisional*. Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd: Bukit Mertajam.
- Mohd Salmi Md Noorani et al . 2010. Exposing the Fun Side Mathematics Via Mathematics Camp. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, hlm. 338-343.
- Mohd Taib Osman. 2003. *Cerita Lipur Lara*. Shah Alam: Yayasan Karyawan.
- Mohd Yusof Md. Nor. 1985. *Rampaisari Puisi Warisan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Taib Osman . 1981. Kesusasteraan Melayu dengan Corak dan Budayanya: Tradisi Lisan atau Sastera Rakyat yang Bercorak Cerita. Dlm. Jamilah Ahmad (pngr.). *Kumpulan Esei Sastera Melayu Lama*, hlm. 17-35. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd.Taib Osman.1974. *Kesusasteraan Melayu Lama*. Federal Publications Sdn. Bhd: Kuala Lumpur.
- Munir Ali. 1990. *Kajian Kesusasteraan Melayu Klasik*. Petaling Jaya: Flo Enterprise Sdn. Bhd.
- Mustafa Mohd. Isa. 1984. *Penglipur Lara Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim. 2000. *Bahasa Melayu dalam Dekad 90-an*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Ahmad Harith Syah. 2009. Penelitian Makna Imbuan Pen- dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Rangka Rujuk Silang. *Jurnal GEMA Online* 9 (2):57-71.
- Noriah Taslim. 1993. *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. 2004. *Hikayat Seri Rama Versi Rakyat: Teks dan Proses Lisan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Noriah Taslim. 2006. *Dunia Sahibul Hikayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. 2010. *Lisan dan Tulisan: Teks dan Budaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Normiadilah Adnan &Noriah Othman. 2012. The Relationship between Plants and the Malay Culture. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 42: 231–241.
- Orwell, G. 1946. *Animal Farm*. London: Harcourt Brace & Company.
- Panduan Menulis Tesis Gaya UKM*. 2010. Edisi Semak ke-2. Bangi: Pusat Pengajian Siswazah.
- Rebollar, B.E. t.th. *Letting the Cat Out of the Bag: On Idiom Use and Representation*. 141-153. [www2.english.su.se/nlj/metfest\\_08/Eizaga\\_08.pdf](http://www2.english.su.se/nlj/metfest_08/Eizaga_08.pdf) [17 Julai 2013].
- Resetar, S. H & Radic, B. 2003. Animal names used in addressing people in Serbian. *Journal of Pragmatics* 35: 1891-1902.
- Rogayah A. Hamid dan Mariam Salim. 2006. *Kepustakaan Ilmu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogayah A. Hamid & Wardati Md. Sheriff (pngr.). 2007. *Tradisi Lisan: Manifestasi Cendekiawan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Saidatul Nornis & Mohd. Rasdi Saamah. 2013. Haiwan Sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Orang Semai. *Jurnal GEMA Online* 13(1): 83-98.
- Siti Hawa Haji Salleh. 2009. *Kelopak pemikiran sastera Melayu*. Bangi: UKM.
- Siti Zubaidah Ismail, Norsuhana Abdul Hamid & Fatan Hamamah Yahaya . 2012. Penggunaan Haiwan bagi Perubatan Tradisional dalam Kalangan Masyarakat Pribumi di Asia: Satu Ulasan. *Malaysia Journal of Society and Space* 8 (3) : 52-60.
- Suriati Zakaria. 2002. Masa dalam Kerangka Pemikiran Masyarakat Melayu: Kajian Makna Teks Klasik dan Moden, *Kertas Projek Sarjana*, UKM, Bangi.
- Telebinejad, M. R & Dasterdi, H.V. 2005. A Cross-cultural Study of Animal Metaphors : When Owls are Not Wise. *Metaphor and Symbol* 20(2): 133-150.
- Tenas Effendy. 2005. *Ungkapan Tradisional Melayu Riau* (Ed. Ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid. 2011. *Pantun dan Kebijaksanaan Akal Budi Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Zahari Mohamad, Mohd Hamim Rahim & Abdul Rahman Abdullah. 2012. Hubungan Manusia dengan Haiwan dalam Warisan Perubatan dan Kepentingan Haiwan dalam Aspek Pemakanan dan Kesihatan Manusia. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Warisan Perubatan. Anjuran Universiti Malaysia Kelantan. 26-27 Disember.
- Wei, Lixia & Wong, Bee Eng. 2012. A corpus-based study on snake metaphors in Mandarin Chinese & British English. *Jurnal GEMA Online* 12 (1): 311-324.
- Yaacob Harun (pnyt.). 2001. *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Yeop Ghazali A.K. 1975. *Cerita-cerita dari India*. Ipoh: Penerbitan Crescent.
- Zainal Abidin Abu Hasan. 1985. *Alam Haiwan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. 2011. Bahasa dan Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal GEMA Online* 11 (3): 31-51.
- Zakaria Abdullah. 1990. *Haiwan Mamalia di Malaysia*. Ampang: Pam Publishing (M) Sdn. Bhd.